



**KESEMUA
suspek
menjalani
ujian Covid-19
setibanya
mereka di
jeti maritim.**

APMM Labuan tahan 14 individu tangkap ikan di kawasan pelantar minyak

Iffah Dilaney

LABUAN: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Zon Labuan menahan 14 individu, termasuk sembilan rakyat Filipina, kerana melanggar Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dengan menangkap ikan di kawasan pelantar minyak Kikeh, pada Jumaat lepas.

Pengarah APMM Zon Labuan, Komander Nor Bakari Abu Bakar berkata, kesemua suspek berumur antara 14 dan 71 tahun, dipintas kira-kira 60 batu nautika dari barat laut Labuan, semasa rondaan Ops Pelantar agensi tersebut.

"Suspek-suspek ditemui menaiki dua kapal nelayan dan tujuh bot kecil, menceroboh kawasan itu dan menangkap ikan di perairan tersebut semasa kejadian jam 8.21 malam itu," katanya dalam satu kenyataan pada Sabtu.

Nor Bakari berkata anggota APMM melakukan rondaan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan memantau kawasan pelantar minyak itu.

"Daripada 14 ditangkap, terdapat dua rakyat tempatan, tiga penduduk tetap Malaysia, lima (warga Filipina) memiliki kad pelarian IMM13, sementara selebihnya tidak mempunyai sebarang dokumen pengenalan diri. "Kesemua bot dan suspek dibawa ke Jeti Maritim Labuan untuk siasatan lanjut di bawah Akta Perikanan 1985, Akta Imigresen 1959/63, Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 dan Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959," katanya.

Nor Bakari menambah kesemua suspek menjalani ujian Covid-19 yang dilakukan oleh petugas Jabatan Kesihatan selepas tiba di jeti itu.